

MSM Buka Pejabat Dagangan di Dubai



MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), telah melebarkan sayap perniagaannya di Asia Barat apabila membuka pejabat perdagangan pertama di Dubai baru-baru ini menyokong pertumbuhan kukuh perniagaan di rantau berkenaan.

Pejabat MSM Dubai tersebut telah dirasmikan oleh Pengerusi MSM Malaysia Holdings Berhad, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan disaksikan oleh Duta Malaysia di Emiriah Arab Bersatu (UAE), Dato' Ahmad Anwar Adnan.

MSM Dubai akan berperanan sebagai hab perdagangan untuk memenuhi keperluan gula dalam kumpulan MSM. Selain itu, pejabat berkenaan juga menjalankan aktiviti perdagangan gula mentah dan ditapis untuk keperluan rantau Asia Barat dan Afrika Utara serta Asia Pasifik.

"Pembukaan MSM Dubai selari dengan strategi kumpulan untuk menjadi pemain gula global. Gabungan model perniagaan kumpulan dan MSM Dubai akan membolehkan penerokaan pasaran, logistik dan rantaian bekalan berintegrasi berskala besar," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod.

Sheikh Awab berkata, "Rantau Afrika Utara memainkan peranan utama kepada MSM, rakan perniagaan, pelanggan dan broker antarabangsa. Ini membuktikan pembukaan MSM Dubai memenuhi keperluan pelanggan kami."

MSM Dubai disasarkan mampu mendagangkan kira-kira 200,000 MT gula mentah dan menjual 250,000 MT gula tapis setahun, sekali gus menjadikannya destinasi utama perdagangan MSM. Selain itu, MSM Dubai juga terlibat dalam perkhidmatan tol, tempahan vessel, eksport dan beberapa aktiviti lain berkaitan gula.

Kumpulan MSM telah melantik Ahmad Farid Kamarudin sebagai Pengurus Besar di pejabat berkenaan bagi memastikan operasi berjalan dengan lancar.

Pejabat baharu MSM Dubai telah memulakan operasinya pada Januari 2016 dan akan beroperasi seiring dengan pejabat perdagangan MSM di Jakarta, Indonesia.

Keuntungan MSM RM387 Juta

Sementara itu, MSM telah mencatatkan rekod keuntungan tahunan terbaik didorong oleh kenaikan jualan yang menyeluruh dan melakukan *hedging* secara strategik.

Keuntungan sebelum cukai (PBT) mencecah rekod RM378 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM344 juta, iaitu peningkatan memberangsangkan sebanyak 10%. Manakala keuntungan selepas cukai (PAT) mencatatkan rekod RM281 juta berbanding RM257 juta pada tahun sebelumnya.

Hasil perolehan meningkat sebanyak 5.7% kepada RM663.97 juta berbanding RM628.07 juta pada suku keempat tahun sebelumnya. Pendapatan keseluruhan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak RM2.31 bilion, berbanding tahun lepas sebanyak RM2.28 bilion, kenaikan sebanyak 1.1%.

Keuntungan sebelum cukai bagi suku keempat meningkat daripada RM84.5 juta kepada RM97.2 juta, peningkatan sebanyak 15% berbanding suku sebelumnya.

Keuntungan melalui operasi mencatatkan peningkatan 13% daripada RM335.1 juta kepada RM377.3 juta pada tahun 2015.

Walaupun berhadapan dengan cabaran industri yang dinamik, khususnya pengukuhan mata wang USD dan ketidaktentuan pasaran Forex, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik sebanyak 64%. **C**